

Headline	1,347 dijangkiti HIV, 453 AIDS di Sabah		
MediaTitle	New Sabah Times Bahasa (KK)		
Date	10 Dec 2012	Color	Black/white
Section	Semasa	Circulation	23,655
Page No	3	Readership	
Language	Malay	ArticleSize	267 cm ²
Journalist	MARLINA MACPEE	AdValue	RM 534
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,602



1,347 dijangkiti HIV, 453 AIDS di Sabah

Dengan 185 kematian direkodkan sejak 1991 hingga 2011

MARLINA MACPEE

LAHAD DATU: Sebanyak 1,347 orang dijangkiti HIV dan 453 orang menghidap AIDS di Sabah sejak 1991 sehingga 2011 dan daripada jumlah itu sebanyak 185 kematian direkodkan.

Ahli Parlimen Silam, Dr. Haji Salleh Kalbi berkata, punca jangkitan di Sabah kebanyakannya disebabkan hubungan seks berbilang pasangan dengan 1,235 orang atau 91.7 peratus kes melibatkan HIV, manakala melalui jarum suntikan melibatkan 32 orang atau 2.4 peratus.

Katanya, pada tahun 2011, antara daerah yang merekodkan kes tinggi HIV dan AIDS adalah Kota Kinabalu iaitu 59 kes (HIV) dan 30 kes (AIDS), bagi Daerah Tawau 27 kes (HIV) dan 15 kes (AIDS), manakala Sandakan merekodkan 18 kes (HIV), 7 kes (AIDS) dan diikuti Daerah Lahad Datu yang hanya merekodkan satu kes HIV dan satu kes pengidap AIDS dan tiada kematian direkodkan.

Beliau berkata demikian semasa berucap merasmikan sambutan Hari AIDS Sedunia Peringkat Negeri Sabah yang berlangsung di Dataran Palma Lahad Datu, di sini, kelmarin.

Pada majlis itu, beliau berkata untuk mengatasi masalah itu, kerajaan sentiasa melakukan yang terbaik dalam memastikan rakyat hidup dalam keadaan yang selesa, selaras dengan janji kerajaan "Rakyat di utamakan".

Jelasnya, ini terbukti apabila Kementerian Kesihatan sentiasa komited dalam membanting penularan jangkitan HIV, AIDS dan juga memastikan sifar kematian berkaitan AIDS dapat dicapai.

Sementara itu, Pengarah Kesihatan Negeri Sabah Dr. Christina Rundi berkata, tema sambutan hari AIDS sedunia bagi tempoh lima tahun bermula 2011 hingga 2015 ialah Menuju Sifar.

Justeru itu, katanya, pelbagai aktiviti telah dirancang untuk mencapai matlamat itu termasuklah mengadakan program roadshow AIDS, seminar HIV/AIDS dalam kalangan ahli

panel penasihat klinik, jabatan-jabatan persekutuan dan negeri serta kakitangan KKM, program OPS Prihatin, ceramah kesedaran, hebahan melalui radio, saringan HIV kepada bakal pengantin dan HIV Update.



BERUCAP ... Salleh sewaktu menyampaikan ucapan perasmiannya di majlis itu, kelmarin.